

Mahasiswa 14 IPTA bersih kawasan banjir

MUAR 12 Feb. – Lebih 2,000 sukarelawan termasuk 1,200 mahasiswa dan kakitangan 14 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terlibat dalam operasi pembersihan kawasan banjir di Parlimen Pagoh selama dua hari bermula hari ini.



WAN MAHZOM



TAMI SUE



ABDULLAH



QASIM



EFFENDEE

Pengerusi Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (Maskum), Prof. Wan Mahzom Ahmad Syah berkata, operasi itu bertujuan membantu membersihkan rumah, surau, sekolah, balai raya dan masjid yang dilanda banjir.

Menurut beliau, antara IPTA terlibat adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Turut terlibat katanya, adalah Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Ma-

laysia Pahang (UMP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

“Operasi yang disertai sukarelawan universiti itu dianjurkan oleh Maskum dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi.

“Program seperti ini diharapkan dapat memasyarakatkan warga universiti dengan penduduk dan daripada semangat yang ditunjukkan, dapat dilihat mereka ini bukan sekadar duduk di universiti tetapi sensitif dengan keperluan masyarakat,” katanya kepada pemberita di Dewan Seri Pekembar di sini hari ini.

Turut hadir meninjau operasi tersebut adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Abdul Rahim Md. Noor.

Aktiviti pembersihan itu turut disertai Pertubuhan Peladang Negeri, Majlis Belia Malaysia, Surau Al-Amin Ros Merah, Alumni Kolej Tunku Kurshiah, pihak tentera, polis, bomba, pejabat kesihatan daerah, Syarikat

Air Johor Holdings (SAJH) dan Kolej Komuniti Pagoh.

Sementara itu, seorang mahasiswa antarabangsa UIAM yang berasal dari Amerika Syarikat, Tami Sue Newberry, 40, berkata, operasi pembersihan itu wajar disertai semua pihak bagi membantu mangsa banjir.

“Saya ada dua tangan, mereka juga ada dua tangan. Tiada bezanya dari mana asal kita.

“Ini adalah misi kemanusiaan untuk membantu mangsa banjir dan kita semua tanpa mengira kaum, agama, warna kulit dan negara wajar menghulur bantuan,” katanya kepada pemberita sewaktu membersihkan rumah seorang mangsa banjir di Kampung Sri Tanjung.

Sue Newberry berkata, dia kini mengikuti pengajian Sarjana Kesusasteraan Arab dan mempunyai lima anak yang tinggal di Palestin.

Seorang lagi mahasiswa UIAM, Ab-



SEKUMPULAN pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia membersihkan rumah seorang penduduk Kampung Seri Tanjung yang terjejas akibat banjir di Muar, Johor, semalam.

dullah Maher, 23, berkata, ini adalah kali pertama dia menyertai operasi bantuan kemanusiaan dan sangat teruja untuk membantu mangsa banjir.

“Saya dan rakan-rakan, terutamanya dari Sudan, Somalia dan negara Arab lain amat teruja untuk meringankan beban mangsa banjir,” katanya yang merupakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.

Seorang mahasiswa tempatan dari UIAM, Qasim Abdul Nasir, 22, ber-

kata, dia sebelum ini telah menyertai misi bantuan banjir di Kedah dan Pahang baru-baru ini.

Sementara itu, mangsa banjir yang dibantu oleh sukarelawan UIAM itu, Mohd. Effendee Misman, 33, menyatakan kesyukuran kerana mahasiswa universiti sanggup membersihkan rumah dan perlatan yang diselaputi lumut akibat banjir.

“Terharu dengan bantuan mereka. Sebelum ini rumah saya dinaiki air sehingga dua meter,” katanya lagi.